

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 NOVEMBER 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Rai kemenangan	Mingguan Malaysia
2	SIEK bantu murid cacat penglihatan pelajari astronomi	Mingguan Malaysia
3	Angin kencang lebih kerap	Berita Harian
4	More female enrolment at tertiary institutions	The Star

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 9 NOVEMBER 2014 (AHAD)



RAI KEMENANGAN

TIMBALAN Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dr. Zulkifli Mohamed Hashim (lima dari kanan) bersama para pemenang Anugerah Penerbitan Angkasa sempena majlis perasmian Minggu Angkasa Sedunia di Planetarium Negara, Kuala Lumpur, semalam. Turut sama Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr. Noordin Ahmad (empat dari kanan). - MINGGUAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

SIEK bantu murid cacat penglihatan pelajari astronomi

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Sebanyak 40 sekolah rendah di seluruh negara akan menerima alat bantuan mengajar tentang sains angkasa dalam tulisan Braille khusus untuk kegunaan murid-murid cacat penglihatan pada awal musim persekolahan tahun hadapan.

Inisiatif yang dinamakan *Space Insight Edu-Kit* (SIEK) itu di laksanakan oleh Agensi Angkasa Negara (Angkasa) dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan dan Institut Perguruan Kampus Ilmu Khas, Cheras.

Ketua Pengarah Angkasa, Dr. Noordin Ahmad berkata, secara keseluruhan, alat bantuan mengajar tersebut mengambil masa dua tahun untuk dihasilkan.

"Sebelum ini, memang ada sukatan pelajaran untuk astronomi, namun belum ada kaedah bagi membolehkan murid-murid cacat penglihatan untuk mempelajarinya.

"Jadi, kita mencari kaedah untuk memudahkan golongan tersebut mempelajari astronomi dan selepas dua tahun, SIEK berjaya dihasilkan," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Perasmian Minggu Angkasa Sedunia 2014 di Planetarium Negara di sini hari ini.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr. Zulkifli Mohamed Hashim.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Operasi Touch 'n Go Sdn. Bhd., Noor Farilla Abdullah.

Dalam majlis sama, Zulkifli turut melancarkan kad Touch 'n Go edisi eksklusif yang memaparkan imej cakerawala serta menyam-paikan hadiah kepada para pemenang Hadiah Penerbitan Angkasa.

Pameran sempena Minggu Angkasa Sedunia 2014 yang bertemakan Space Guiding Your Way berlangsung di Planetarium Negara mulai hari ini sehingga 14 November ini.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan termasuk pencerapan matahari, pencerapan langit malam, bengkel sistem suria, forum sains angkasa dan bengkel sains roket.

Orang ramai juga berpeluang mengikuti ceramah tentang angkasa lepas yang disampaikan oleh tokoh sains angkasa negara, Prof. Datuk Dr. Mazlan Othman.

Angin kencang lebih kerap

» Perubahan disebabkan perbezaan suhu daratan, lautan

Oleh Wan Nur Faliqha
Wan Hazani
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kejadian angin kencang dan puting beliung akan lebih kerap berlaku ketika peralihan monsun, iaitu pada awal Oktober hingga akhir November.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam satu kenyataan berkata, perubahan kelajuan angin yang berlaku di kawasan Pantai Timur Semenanjung, terutama di Kelantan dan Terengganu disebabkan perbezaan suhu antara daratan dan lautan hasil daripada pemanasan sinaran matahari.

Ini berlaku berikutan kawasan tekanan rendah di Laut China Selatan yang menyebabkan berlaku angin kencang dan hujan lebat.

"Monsun Timur Laut lazimnya dari arah timur atau timur laut di Laut China Selatan dengan kelajuan 20 kilometer sejam (kmsj) hingga 40kmsj.

Peralihan monsun

"Bagaimanapun, disebabkan peralihan monsun, tiupan angin kencang dengan kelajuan 50kmsj atau lebih di negeri Pantai Timur Semenanjung.

"Perubahan kelajuan angin itu berlaku kerana luran kuat udara sejuk yang datang dari arah utara," katanya.

MetMalaysia memaklumkan Kelantan dan Terengganu mengalami hujan lebat melebihi 500 milimeter sebulan, mengakibatkan banjir pada November hingga Disember ini.

"Kami turut mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora di perairan ke-

dua-dua negeri itu yang dijangka berlarutan sehingga akhir minggu ini.

Tak perlu pindah

"Bagaimanapun, penduduk yang tinggal di kawasan berhampiran tidak perlu dipindahkan kerana ia hanya mem-

babitkan kawasan perairan sahaja.

"MetMalaysia akan terus membuat pemantauan di kawasan yang terbabat dan jika ada maklumat lanjut kami akan memaklumkan kepada orang ramai serta-merta," katanya.

INFO

Perubahan Angin Monsun Timur Laut melanda Pantai Timur Semenanjung



More female enrolment at tertiary institutions

MORE women are enrolling in institutes of higher learning.

Deputy Education Minister Datuk Mary Yap said that as of 2013, female enrolment in higher education institutes had reached 55.43%.

"Females have overtaken the males in tertiary education with a gender parity index of 1:1.24," she said during the L'oreal-Unesco For Women In Science National Fellowship 2014 Award Ceremony held in Kuala Lumpur recently.

She also said that there is an approximately 11.52% increase in the number of female students in the field of science, technology and engineering.

"The higher percentage of participation of women in the higher education sector indicated that the Education

Ministry advocates the empowerment of women in the higher education sector and has promoted women's rights with respect to the access to basic, as well as higher education," she added.

"It is also our ambition to see more women in Malaysia taking up strategic positions in education whilst making contributions to major discoveries and development of knowledge."

L'oreal Malaysia managing director Ashwin Rajgopal said there was an overwhelming 133 applications from various fields in Life Sciences received this year.

For 2014, the awards went to Universiti Malaya Department of Medical Microbiology senior lecturer Dr Chan Yoke Fun, Universiti Malaysia Perlis postgraduate programme

chairman and senior lecturer Dr Noorhafiza Muhammad, and Universiti Malaysia Terengganu School Of Marine and Environmental Sciences senior lecturer Dr Wahizatul Afzan Azmi.

This year, the three recipients received a grant of RM30,000 each.

The fellowship programme honours the achievements and contributions of young women scientists in the development of science and research.

Launched in 2006, the programme is supported by the Malaysian National Commission for Unesco and is in a partnership with the **Academy of Sciences Malaysia**, the Education and the Science, Technology and Innovation Ministries. – **BY REBECCA RAJAENDRAM**